

PM bidas dakwaan pembangkang mengenai RUU PSB

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
KUALA LUMPUR

'Bukan strategi rampas hak orang Melayu'

SINAR HARIAN 29 AUG 2025 m/s: 6



Perdana Menteri, Anwar Ibrahim membidas pembangkang yang mendakwa kerajaan cuba menyingkirkan orang Melayu melalui cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Pembaharuan Semula Bandar (PSB).

Anwar menegaskan, beliau bukan boneka yang sanggup diperalatkan sesiapa untuk mengusir orang Melayu bagi memberi laluan kepada Cina mengambil alih perumahan mereka.

Sebaliknya, jelas Perdana Menteri, PSB bertujuan meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan perumahan usang di bandar.

"Jangan kita buat andaian kononnya cadangan RUU PSB ini strategi Cina untuk merampas hak Melayu, saya tidak setuju.

"Saya bukan boneka, saya duduk di sini (Dewan Rakyat) dan saya terima mandat rakyat, mesti pertahankan kepentingan Melayu bumiputera yang majoriti," kata-

nya semasa sidang Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut)** yang bertanyakan sama ada bacaan kedua RUU PSB boleh ditangguhkan atau sebaliknya supaya perbincangan semula mengenainya boleh dilakukan sebelum pembangkang memberi sokongan.

Sementara itu, Anwar berkata, kerajaan bersedia melakukan penyesuaian dan meminda RUU PSB termasuk dari segi nilai ambang peratus persetujuan pemilik hartanah yang menimbulkan pertikaian.

Ini kerana menurutnya, kerajaan sedar setiap perundangan yang dicadangkan tidak semestinya sempurna.

"Saya tegaskan (di sini Yang Berhormat) Larut, saya terima baik kerana tak mungkin satu-satu perundangan itu paling sempurna, jadi berilah cadangan dan kalau perlu kita pinda (RUU PSB di peringkat) berikutnya," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, sebarang cadangan dan pandangan yang



RUU PSB dicadangkan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat termasuk orang Melayu yang tinggal di kawasan perumahan usang di bandar.

baik akan disesuaikan dalam RUU PSB tersebut.

"Nak tukar nilai ambang seperti ke 30, 40, 50 peratus, itu perincian yang kena bincang tapi tak boleh kita biarkan pembangunan bandar terabai. Di ibu negara misalnya, kita ada Menara Berkembar

Petronas tapi keadaan rumah rakyat seperti merempat.

"Jadi, kena tengok dari konteks itu, beri ruang kepada kerajaan bangunkan rumah lebih selesa, sesuai dengan masa sekarang kerana majoriti rakyat ialah Melayu," tegas beliau.